

31/01/1997

Pertumbuhan MAS terlalu cepat

ALOR STAR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, mutu perkhidmatan Penerbangan Malaysia (MAS) merosot kerana kemajuan dan pertumbuhannya yang terlalu cepat serta kekurangan kakitangan mahir.

Berikutan itu, kata Perdana Menteri, sukar bagi MAS mengekalkan mutu perkhidmatannya. Pertumbuhan yang terlalu cepat menimbulkan beberapa kesan termasuk kekurangan kakitangan.

Oleh itu, dari semasa ke semasa MAS diminta menambah penerbangan, manakala kerajaan mendapatkan hak pendaratan di banyak tempat sehingga syarikat itu mengalami kekurangan kakitangan.

"Tidak mudah jika pertumbuhannya terlalu cepat. Bila kita minta MAS tambah penerbangan di banyak tempat bermakna syarikat itu perlu tambah kakitangan sedangkan ia tidak mudah diperolehi.

"Kalau ada pun, mereka ini orang baru dan tak ada pengalaman. Untuk jadi pramugari pun tidak boleh kerana perlu ada pengalaman. Kadang-kadang berhenti kerana berkahwin dan ini menjadikan bilangan kakitangan tidak mencukupi.

"Tetapi jika MAS tidak berkembang kita juga yang merungut. Apabila pertumbuhan cepat ... semua yang senior dapat jawatan tinggi, yang pertengahan naik ke atas (pangkat) dan yang di bawah tak boleh pandu kapal terbang," katanya.

Perdana Menteri ditanya mengenai pelbagai laporan yang mendakwa mutu perkhidmatan MAS merosot sehingga menjejaskan nama baik syarikat itu serta kemasukan pelancong asing ke negara ini.

Menurutnya, sejak Tan Sri Tajudin Ramli mengambil alih MAS, syarikat itu mengalami perubahan dan berkembang pesat sehingga penerbangan ke London meningkat daripada lapan kepada 14 kali seminggu.

Dr Mahathir juga menegaskan, walaupun kemerosotan mutu perkhidmatan MAS sedikit sebanyak menjejaskan industri pelancongan, ia bukan disengajakan.

Beliau juga mengulangi kenyataannya bahawa ada pihak tertentu cuba menjatuhkan Tajudin dengan membuat tohmahan dan dakwaan mengenai mutu perkhidmatan syarikat penerbangan nasional itu.

Katanya, dakwaan keburukan MAS mungkin juga disengajakan untuk menjejaskan harga saham syarikat itu di pasaran saham, sekali gus menjatuhkan Tajuddin.

(END)